

Ciri-ciri Personaliti Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar, Gaya Pembelajaran Pelajar dan Hubunagannya Dengan Pencapaian Akademik

Prof. Madya Dr. Azizi Hj. Yahaya
Prof. Madya Dr. Mohd. Najib Ghaffar
Noraizah Damiri
Fakulti Pendidikan
UTM Skudai Johor
Shahrifudin Ismail
Fakulti Pengurusan
UITM Segamat

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri personaliti pelajar dalam pemilihan kerjaya dan gaya pembelajaran pelajar serta hubungannya dengan pencapaian akademik. Seramai 202 pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ali Haji Ahmad, Pontian, Johor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Perhentian, Pontian, Johor telah dipilih sebagai responden kajian ini. Mereka dipilih secara rawak kelompok. Satu set soal selidik telah digunakan untuk kajian ini. Soal selidik bahagian B merupakan soal selidik yang dibina oleh penyelidik, manakala bahagian C merupakan ubahsuai daripada Inventori Gaya Pembelajaran Honey dan Mumford (1986). Selain itu Inventori Pekerjaan Holland (1973) telah digunakan untuk menentukan pemilihan jenis-jenis kerjaya. Kebolehpercayaan soal selidik diuji dengan menggunakan kaedah "Scale Alpha" yang menunjukkan nilai kebolehpercayaan 0.9279 bagi bahagian B dan 0.6572 bagi bahagian C. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu peratusan, min dan sisihan piawai untuk menunjukkan latar belakang responden kajian, ciri-ciri personaliti dan gaya belajar. Manakala statistik inferensi iaitu analisis korelasi Pearson digunakan untuk menunjukkan hubungan di antara pemboleh ubah iaitu hubungan personaliti dengan pencapaian akademik dan hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik. Analisis dapatan kajian yang menggunakan SPSS menunjukkan responden lebih menggunakan gaya pembelajaran aktivis. Selain itu, responden lebih memiliki ciri-ciri personaliti menyelidik. Dalam pemilihan kerjaya pula, responden memiliki ciri-ciri personaliti sosial. Responden juga memilih jenis-jenis pekerjaan yang berstatus tinggi dan profesional. Kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik mengikut mata pelajaran PMR. Manakala analisis kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan di antara ciri-ciri personaliti dengan pencapaian akademik mengikut mata pelajaran PMR. Beberapa kajian telah dikemukakan bagi pendedahan gaya pembelajaran yang patut diamalkan oleh pelajar dan ciri-ciri personaliti yang positif di kalangan pelajar. Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan juga turut dikemukakan.

Pengenalan

Pekerjaan merupakan suatu aktiviti yang penting dalam kehidupan manusia dan akan berasa puas dengan kehidupannya apabila memiliki sesuatu pekerjaan yang tetap serta terjamin. Malah pekerjaan dapat memperlihatkan status masyarakat, tahap ekonomi, dan pendapatan. Bekerja bererti seseorang itu mesti aktif dalam aktiviti yang boleh membawa perubahan kepada dirinya, orang lain, dan bidang yang diceburi. Pekerjaan dikatakan mempengaruhi konsep sendiri, perasaan nilai, kesejahteraan, dan identiti keperibadian seseorang (Muhd. Mansur dan Siti Nordinar, 1989).

Seseorang itu mestilah mempunyai kesedaran kerjaya setelah tamat persekolahan. Kesedaran kerjaya merupakan kesedaran tentang perhubungan antara sendiri dengan pendidikan, mengenali kelompok pekerjaan serta kemahiran dalam membuat sesuatu pilihan. Oleh itu, kesedaran kerjaya merupakan pengetahuan tentang konsep kendirinya dan pelbagai aspek dunia pekerjaan seperti jenis-jenis pekerjaan, persekitaran pekerjaan dan faedah-faedah yang diperoleh daripada sesuatu pekerjaan (Fadale, 1974).

Membuat pemilihan antara pilihan-pilihan pelajaran dan pekerjaan ialah proses yang berkembang bertahun-tahun lamanya. Tidak terdapat satu titik atau tanda yang menentukan kerjaya seseorang. Terdapat banyak halangan yang tertentu boleh menimbulkan paksaan terhadap bidang pilihan pada masa hadapan dan mempengaruhi pemilihan muktamad sesuatu pekerjaan. Kekeliruan tentang pemilihan mata pelajaran yang perlu dipelajari akan menimbulkan masalah kepada pemilihan kerjaya.

Pelajar sekolah, khususnya pelajar sekolah menengah sering menghadapi masalah dalam pemilihan kerjaya. Masalah-masalah yang sering dihadapi ialah berkaitan tidak dapat membuat keputusan, kurang maklumat tentang diri dan kerjaya, tiada kepastian tentang kerjaya yang dipilih, kurang minat untuk merancang, dan tidak mampu menyelesaikan masalah. Masalah-masalah ini berkait rapat dengan kurangnya kematangan kerjaya (Rohany, 2003). Masalah kurang kematangan kerjaya ini akan memberi kesan kepada pelajar-pelajar apabila berada di institusi pengajian tinggi, institusi latihan kemahiran dan dalam bidang pekerjaan.

Hampir setiap pelajar akan mencari pekerjaan setelah dia menamatkan pelajaran atau latihannya. Pekerjaan yang diceburi bergantung kepada jenis pendidikan, jenis latihan, dan tahap pencapaian yang diperoleh semasa di sekolah. Terdapat juga pelajar yang tidak tahu memilih dan membuat keputusan jenis pekerjaan yang akan diceburinya. Pengetahuan yang cetek tentang pemilihan pekerjaan akan menyebabkan mereka tidak gembira dengan kerjaya yang dipilih dan melakukan pekerjaan tersebut dalam keadaan terpaksa (Suradi, 1996).

Personaliti pelajar mempunyai pengaruh kepada pemilihan kerjaya pelajar. Seseorang itu tertarik kepada sesuatu pekerjaan disebabkan personaliti dan beberapa faktor lain yang terkandung dalam latar belakang pekerjaan itu. Seseorang akan memberikan pandangan mereka terhadap sesuatu pekerjaan berdasarkan bentuk kerja dan pangkat-pangkat yang terdapat di dalam pekerjaan itu. Perbandingan diri dengan tanggapan satu-satu pekerjaan dan perasaan menerima atau menolaknya adalah satu penentuan utama di dalam pemilihan pekerjaan (Holland, 1973).

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang jenis-jenis personaliti pelajar dan hubungannya dengan pemilihan pekerjaan. Selain itu, jenis-jenis gaya pembelajaran pelajar juga perlu diketahui kerana akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Pencapaian pelajar juga dikaji untuk melihat hubungannya dengan

pemilihan pekerjaan. Oleh itu, kajian ini dapat dijadikan peramal yang mengaitkan jenis-jenis personaliti dengan pemilihan pekerjaan.

Latar Belakang Masalah

Kebanyakan pelajar kurang mempunyai kemahiran-kemahiran asas akademik apabila tamat sekolah sehingga mereka sukar untuk memilih kerjaya. Namun begitu perkembangan pendidikan yang semakin pesat membolehkan mereka mengenal pasti personaliti yang ada untuk menceburi lapangan pekerjaan. Pendidikan kerjaya yang semakin berkembang di sekolah juga dapat membantu seseorang membuat perancangan antara pendidikan dan kerjaya (Hoyt, 1975). Melalui pendidikan ini pelajar-pelajar berpeluang untuk membuat persediaan, melakukan penerokaan, dan mengembangkan potensi diri.

Remaja begitu mengambil berat tentang kerjaya yang akan diceburi oleh mereka dan di peringkat inilah mereka membuat keputusan permulaan tentang kerjaya. Mereka mula memikirkan tentang kebolehan dan minat untuk disesuaikan dengan peranan kerja tertentu dan membuat perancangan yang lebih realistik. Dalam membuat keputusan tentang kerjaya tidak semua remaja sistematik dan rasional. Banyak remaja yang masih tidak tetap dengan pendirian mereka selepas tamat sekolah menengah dan berkali-kali bertukar kerja tanpa mempunyai perancangan yang jelas berdasarkan maklumat yang mencukupi (Habibah dan Noran Fauziah, 2002).

Individu yang membuat pilihan adalah orang yang paling baik untuk membuat pertimbangan dalam memilih pekerjaan. Pekerjaan yang ingin diceburi juga bergantung kepada pencapaian akademik pelajar. Taraf dan pencapaian akademik individu juga lebih memungkinkannya memperoleh pelbagai maklumat kerjaya (Rohany, 2003). Pencapaian akademik yang lebih baik sudah tentu dapat menjamin seseorang itu membuat pemilihan yang lebih banyak berbanding yang lain.

Pencapaian akademik pelajar sangat berkait erat dengan pemilihan kerjaya pelajar (Robert, 1982). Manakala pencapaian akademik dipengaruhi oleh gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar. Sperry (1972) telah mengimplementasikan program gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar gred 3 hingga gred 6. Hasil kajiannya mendapati bahawa terdapat peningkatan pencapaian yang signifikan dalam pencapaian mata pelajaran matematik dan pembacaan.

Di setiap sekolah terdapat pelbagai cara pembelajaran di kalangan pelajar seperti membaca, memerhati, berbincang, pembelajaran secara sendiri, pembelajaran secara berkumpulan, belajar dalam keadaan tenang, pembelajaran dengan memasang muzik dan sebagainya. Dunn dan Dunn (1978) telah membuat kajian yang mendalam tentang gaya belajar dan menyenaraikan lima elemen rangsangan iaitu persekitaran emosi, sosiologi, fisiologi dan psikologi. Honey dan Mumford (1992) menjelaskan dengan mengetahui gaya pembelajaran individu, seseorang itu dapat meningkatkan potensi dalam proses pembelajaran.

Pencapaian akademik seseorang dianggap sebagai kunci atau faktor utama bagi menentukan rancangan kerjaya individu sepertimana yang dikehendaki oleh pendidikan tinggi. Walaupun demikian, keupayaan serta kemampuan asas dalam akademik individu juga merupakan penentu utama dalam menjayakan sesuatu pekerjaan. (Muhd. Mansur dan Siti Nordinar, 1993).

Oleh itu, personaliti pelajar dan gaya pembelajaran mereka perlu diketahui supaya pemilihan kerjaya mereka sesuai dan mengurangkan masalah-masalah yang akan timbul. Hal ini pasti akan membuka minda mereka untuk merancang kerjaya yang bakal mereka tempuhi apabila tamat persekolahan.

Pernyataan Masalah

Fenomena pelajar kurang berpengetahuan tentang kerjayanya apabila persekolahan berakhir menyebabkan pemilihan kerjaya mereka tidak sesuai. Selain itu terdapat juga remaja yang memilih pekerjaan tidak sesuai dengan mereka. Hal ini akan mendatangkan pelbagai implikasi yang negatif seperti tekanan kerja, kebosanan, dan sering bertukar-tukar pekerjaan. Keadaan ini sudah tentu akan membawa kesan kepada keadaan ekonomi remaja dan keluarga.

Pencapaian akademik pelajar juga mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar. Pembahagian kelas yang menjurus kepada pencapaian akademik tanpa mengambil kira faktor minat dan personaliti boleh mendatangkan tekanan kepada mereka. Inovasi sistem pendidikan negara untuk mencapai nisbah 60:40 bilangan pelajar sains berbanding pelajar sastera juga merupakan salah satu sebab pelajar terpaksa belajar di aliran sains walaupun pencapaian akademik mereka sederhana. Hal ini juga akan mendatangkan masalah kepada pemilihan kerjaya apabila pencapaian akademik mereka kurang memuaskan.

Pencapaian akademik pelajar juga dikaitkan dengan jenis-jenis gaya belajar yang diamalkan oleh setiap pelajar. Kebanyakan pelajar kurang menyedari tentang amalan ini. Gaya belajar yang sesuai untuk pelajar perlu diketahui supaya dapat membantu mereka untuk mencapai kejayaan. Kurangnya kesedaran pelajar, ibu bapa, dan guru-guru menyebabkan mereka tidak dapat merancang pembelajaran secara sistematik.

Oleh sebab terdapat hubungan gaya pengajaran dan gaya pembelajaran secara tidak langsung pengetahuan tentang jenis gaya pembelajaran perlu diketahui oleh guru-guru di sekolah. Oleh itu, guru dapat mengkaji kekuatan dan kelemahan pengajaran mereka. Jika ketidaksepadanan wujud antara gaya pengajaran dan gaya pembelajaran, pelajar-pelajar akan berasa bosan dan menjadi pasif semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Jadi, fenomena negatif ini perlu diberikan pendedahan kepada guru-guru di sekolah supaya pelajar akan mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan dan tidak tercipir daripada persekolahan (Shahabuddin Hashim, 2003).

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

1. untuk mengetahui jenis-jenis gaya pembelajaran yang yang paling utama diamalkan oleh pelajar di sekolah.
2. untuk mengetahui ciri-ciri personaliti yang utama dimiliki oleh pelajar semasa proses pemilihan kerjaya.
3. untuk mengetahui jenis-jenis kerjaya yang dipilih oleh pelajar-pelajar.

4. Untuk mengetahui ciri-ciri personaliti pelajar dalam proses pemilihan kerjaya?
5. untuk melihat hubungan ciri-ciri personaliti dan gaya belajar dengan pemilihan kerjaya serta pencapaian akademik pelajar.

Persoalan Kajian

- 1 Apakah jenis-jenis gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar di sekolah?
- 2 Apakah ciri-ciri personaliti yang dimiliki oleh seseorang pelajar?
- 3 Apakah jenis-jenis kerjaya yang dipilih oleh pelajar?
- 4 Apakah ciri-ciri personaliti pelajar dalam proses pemilihan kerjaya?
- 5 Adakah terdapat hubungan di antara gaya belajar dengan pencapaian akademik?
- 6 Adakah terdapat hubungan di antara personaliti pelajar dengan pencapaian akademik?

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dapat digunakan oleh pihak sekolah sebagai panduan yang boleh menghubungkan jenis-jenis personaliti pelajar dengan pemilihan kerjaya mereka. Panduan ini boleh digunakan untuk menentukan minat pekerjaan pelajar sejak awal persekolahan. Oleh yang demikian, pihak sekolah dapat merancang lebih awal tentang pemilihan kelas berdasarkan personaliti pelajar dan gaya belajar untuk tujuan perancangan awal pemilihan kerjaya setelah tamat persekolahan.

Pengetahuan tentang personaliti dan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dapat dijadikan panduan oleh pelajar dan pihak sekolah untuk membantu mereka memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Melalui kajian ini juga dapat membantu pihak sekolah untuk melihat sama ada faktor personaliti atau gaya pembelajaran mempunyai kaitan lebih kuat terhadap pencapaian peperiksaan pelajar. Gaya pembelajaran yang diamalkan juga dapat dijadikan ukuran untuk menilai pencapaian pelajar dalam peperiksaan.

Dapatan kajian ini boleh membantu pelajar mengenal pasti gaya pembelajaran mereka dan gaya pembelajaran yang dapat meningkatkan keberkesanan pelajar. Dengan mengenal pasti sesuatu gaya pembelajaran, pelajar dapat mengeksploitasikan kekuatan yang terdapat dalam gaya pembelajaran tertentu. Selain itu, dapat digunakan oleh pelajar untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam gaya pembelajaran mereka. Melalui kaedah ini pelajar dapat merancang pembelajaran mereka berasaskan kemampuan diri dan kelebihan yang terdapat pada diri mereka.

Selain itu para guru juga dapat mengetahui jenis-jenis personaliti pelajar dan kaitannya dengan pemilihan kerjaya pelajar. Manakala gaya pembelajaran pula sangat penting kepada guru dan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Gaya pembelajaran akan mempengaruhi pencapaian akademik yang seterusnya memerlukan pelajar-pelajar mengetahui jenis-jenis gaya pembelajaran yang mereka amalkan untuk memperolehi kecemerlangan.

Kajian ini juga berguna kepada pihak kaunselor sekolah kerana dapat menentukan ciri-ciri personaliti pelajar dan kaitannya dengan pemilihan kerjaya. Hal

ini dapat digunakan oleh pihak kaunselor untuk merancang program bimbingan dan kaunseling kerjaya kepada pelajar-pelajar. Program bimbingan ini boleh distrukturkan lebih awal berdasarkan ciri-ciri personaliti yang telah diketahui. Oleh itu, kesedaran kerjaya pelajar dapat diterapkan lebih awal dan akan membolehkan pelajar merancang kerjaya mereka sejak alam persekolahan.

Kajian ini juga boleh digunakan sebagai panduan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan untuk menentukan pakej-pakej pengkhususan bidang atau mata-mata pelajaran tertentu di sekolah-sekolah. Hal ini dilaksanakan mengikut kesesuaian personaliti pelajar dengan aliran yang sesuai dengan mereka. Secara tidak langsung boleh digunakan untuk mengkhususkan pelajaran yang diajar dengan ciri-ciri personaliti dan minat pelajar yang memfokuskan kepada aspek kerjaya setelah pelajar tamat persekolahan. Selain itu, dapatan kajian ini juga boleh digunakan untuk pelaksanaan kursus-kursus kepada guru-guru supaya gaya belajar pelajar didedahkan kepada guru sehingga dapat melaksanakan program-program kecemerlangan akademik di sekolah-sekolah

Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat aliran sains dan aliran sains sosial di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ali Haji Ahmad, Pontian, Johor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Perhentian, Pontian, Johor. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada pelajar-pelajar lelaki dan perempuan yang meliputi kaum Melayu, Cina, dan India.

Aspek yang dikaji dalam kajian ini ialah hubungan personaliti dan gaya belajar dengan pemilihan kerjaya pelajar. Kajian ini meliputi hubungan personaliti dengan pemilihan kerjaya pelajar. Selain itu, kajian ini mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dan kaitannya dengan pencapaian akademik pelajar.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk tinjauan. Reka bentuk ini dapat menunjukkan pola pada satu-satu peringkat masyarakat. Kajian yang dijalankan berasaskan kajian tinjauan ciri-ciri personaliti dan gaya belajar pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ali Haji Ahmad, Pontian dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Perhentian, Pontian.

Kajian ini juga melibatkan kajian korelasi iaitu melihat hubungan atau pengaruh antara satu faktor dengan faktor yang lain menggunakan ujian statistik korelasi. Dalam kajian ini penyelidik melihat hubungan antara ciri-ciri personaliti dan gaya belajar dengan pemilihan kerjaya dan pencapaian akademik.

Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ali Haji Ahmad, Pontian, Johor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Perhentian, Pontian, Johor. Tempat ini dipilih kerana latar belakang pelajar yang tinggal di kawasan ini terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India. Oleh itu keadaan latar belakang ini sesuai dijadikan subjek kajian.

Populasi Kajian

Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat. Jumlah pelajar ialah 202 orang. Mereka dipilih kerana pelajar tingkatan empat bukan kelas peperiksaan. Oleh itu kajian yang dilaksanakan ke atas mereka tidak akan mengganggu proses pembelajaran dan persiapan untuk peperiksaan SPM.

Persampelan

Kaedah persampelan yang digunakan ialah sampel rawak kelompok iaitu sampel dipilih berdasarkan rumpunan populasi. Melalui kaedah ini, responden dipilih secara rawak daripada setiap kelas tingkatan empat. Responden yang dipilih secara rawak kelompok merupakan pelajar yang belajar di tingkatan yang sama iaitu tingkatan empat tahun 2004. Sebanyak 210 soal selidik telah diedarkan untuk dijawab oleh responden. Manakala hanya 202 sahaja soal selidik yang lengkap dapat dikumpulkan untuk diproses. Sampel ini terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India.

Rumus yang digunakan oleh bahagian penyelidikan 'National Education Association' seperti yang dilaporkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) telah digunakan untuk menentukan saiz sampel kajian. Rumus yang digunakan adalah seperti berikut:

$$S = \frac{x^2 NP}{(1-P) + d^2 (N-1) + x^2}$$

Di mana

S = saiz sampel

x^2 = nilai Chi-Square pada 1 darjah kebebasan pada aras keyakinan yang diperlukan 0.05 (3.841).

N = saiz populasi

P = nisbah populasi (dianggarkan sebagai 0.50 untuk memberi saiz sampel yang maksimum)

d = darjah ketepatan dinyatakan sebagai nisbah 0.05

Oleh itu berasaskan rumus ini saiz sampel yang diperlukan adalah dikira atau ditetapkan sebagai berikut:

$$\begin{aligned} S &= \frac{x^2 NP(1-P) + d^2 (N-1) + x^2 P (1-P)}{0.05^2 (420 - 1) + 3.841 \times 0.5 (1-0.5)} \\ &= \frac{3.841 \times 420 \times 0.5 (1-0.5)}{2.00775} \\ &= \frac{403.305}{2.00775} \\ &= 201 \text{ orang} \end{aligned}$$

Instrumen Kajian

Alat yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Soal selidik tersebut mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A maklumat diri responden, bahagian B tentang ciri-ciri personaliti, bahagian C tentang gaya pembelajaran dan bahagian D tentang pemilihan jenis-jenis kerjaya.

Kajian Rintis

Penyelidik akan menjalankan satu kajian rintis sebelum kajian sebenar dimulakan. Kajian rintis dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan alat kajian dan memperbaiki kesalahan yang dilakukan oleh responden. Kajian rintis telah dilakukan ke atas 10

orang pelajar tingkatan empat tahun 2004 yang sedang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Kayu Ara Pasong, Pontian, Johor.

Hasil kajian rintis ke atas soal selidik bahagian B yang menggunakan kaedah Alfa Cronbach menunjukkan nilai dapatan 0.9279. Hal ini bermakna instrumen ini diterima kerana telah melebihi had minimum iaitu 0.60 (Mohd Majid, 1990). Manakala kajian rintis soalan bahagian C telah dilakukan sebanyak dua kali. Dapatan pertama menunjukkan nilai 0.4062. Hasil kajian rintis kali kedua menunjukkan dapatan nilai 0.6572.

Analisis Data

Analisis data diperlukan bagi menukarkan data mentah kepada data yang dapat memberikan maklumat bagi mencapai objektif sesuatu kajian. Bagi memenuhi tujuan ini, data yang diperolehi dan dikumpulkan daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan program komputer SPSS (Statistical Package for Social Science).

Selain itu, statistik inferensi yang digunakan untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah iaitu hubungan personaliti dengan pencapaian akademik dan hubungan gaya belajar dengan pencapaian akademik adalah kaedah Darab Momen Pearson (aras signifikan yang digunakan adalah 5% @ $\alpha = 0.05$). Bagi menentukan kekuatan di antara pemboleh ubah, jadual klasifikasi kekuatan korelasi adalah seperti berikut.

Analisa Dapatan dan Perbincangan

2 Apakah jenis-jenis gaya pembelajaran yang paling utama diamalkan oleh pelajar?

Secara keseluruhan hasil kajian mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mengamalkan gaya belajar aktivis dan diikuti oleh gaya pembelajaran pragmatis. Seterusnya disusuli oleh gaya pembelajaran teoris dan reflektor. Maklumat ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ali Haji Ahmad dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Perhentian mengamalkan gaya belajar aktivis.

Keseluruhan min untuk gaya pembelajaran aktivis ialah 1.39 dan sisihan piawai sebanyak 0.36. Peratus tertinggi dalam responden mengambil risiko yang munasabah jika difikir bersesuaian dengan 84.1 peratus bersetuju dan 15.9 peratus tidak bersetuju. Bagi pernyataan kedua tertinggi, 82.1 peratus responden seronok dengan orang yang ceria dan spontan, manakala 17.9 peratus tidak bersetuju.

Pernyataan ketiga tertinggi pula menunjukkan responden mengambil berat jika berlaku sesuatu kesilapan dan menganggapnya sebagai suatu pengalaman sahaja. Pernyataan ini menunjukkan 80.5 peratus bersetuju dan 19.5 peratus tidak bersetuju.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ali Haji Ahmad dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Perhentian mengamalkan gaya pembelajaran aktivis.

2 Apakah ciri-ciri personaliti yang utama dimiliki oleh pelajar?

Secara keseluruhan hasil kajian mendapati bahawa sebilangan besar pelajar memiliki ciri-ciri personaliti menyelidik, diikuti oleh personaliti konvensional. Seterusnya diikuti daya usaha, sosial, realistik dan artistik. Maklumat ini menunjukkan bahawa pelajar-

pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ali Hj. Ahmad dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Perhentian memiliki ciri-ciri personaliti menyelidik.

Hasil kajian personaliti menyelidik menunjukkan min keseluruhan adalah di tahap tinggi (3.73) dan sisihan piawai keseluruhan ialah 0.51. Pernyataan responden tidak suka diganggu apabila melakukan sesuatu tugas menunjukkan peratusan yang tinggi. Sebanyak 85.2 peratus responden menyokong pernyataan ini, 9.4 peratus kurang setuju dan 5.5 peratus tidak setuju.

Manakala peratusan kedua tertinggi adalah sekiranya mendapat tugas yang sukar, responden berusaha mencari penyelesaian, didapati 77.2 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini, 15.8 peratus kurang setuju dan 7 peratus tidak setuju.

Pernyataan ketiga tertinggi adalah sekiranya mendapat tugas yang sukar, responden berusaha mencari penyelesaian sebanyak 77.2 peratus responden bersetuju, 15.8 peratus kurang setuju dan 7 peratus tidak bersetuju.

Menurut Holland (1973), cara hidup jenis menyelidik adalah melibatkan golongan intelektual, abstrak, bebas, kadang-kadang radikal dan berorientasikan tugas. Orang yang mempunyai personaliti menyelidik suka belajar, memerhati, menyelidik, menganalisis atau menyelesaikan masalah. Selain itu, mereka yang mempunyai personaliti menyelidik bersifat selalu berhati-hati, analitis, rumit, ingin tahu dan berdikari. Selain itu, mereka bijak, tidak ramah, sederhana dan tidak disukai.

Personaliti kedua yang dimiliki oleh pelajar ialah konvensional. Min keseluruhan adalah di tahap tinggi iaitu 3.69.

Personaliti ketiga yang dimiliki oleh pelajar ialah daya usaha. Holland (1973), berpendapat bahawa seseorang yang memiliki personaliti daya usaha adalah mereka yang suka menunjuk-nunjuk, agresif, suka menjelajah, suka menjadi ketua, dominan dan menggunakan kemahiran menggunakan perkataan.

Personaliti keempat yang dimiliki oleh pelajar ialah personaliti sosial. Min keseluruhan adalah tahap sederhana (3.42).

Personaliti kelima yang dimiliki oleh pelajar ialah realistik (1973). Min keseluruhan adalah tahap sederhana (3.28). Menurut Holland (1973), seseorang yang memilih personaliti realistik suka kepada tugas konkrit berbanding dengan tugas abstrak. Pada asasnya individu ini kurang bersosial dan interaksi di antara satu sama lain juga kurang.

Ciri-ciri personaliti yang paling kurang dimiliki oleh pelajar adalah artistik. Kajian ini selaras dengan kajian

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar SMK. Dato' Ali Hj. Ahmad dan SMK. Sri Perhentian memiliki ciri-ciri personaliti menyelidik.

3 Apakah jenis-jenis kerjaya yang dipilih oleh pelajar?

Secara keseluruhannya didapati bahawa pelajar memilih pekerjaan-pekerjaan yang berstatus tinggi dan profesional. Dapatan kajian menunjukkan 68.3 peratus responden memilih bekerja sebagai pengurus hotel, kedua doktor (59.2%). Seterusnya diikuti pula pengarah bank (58.3%), operator komputer (52.5%), eksekutif perniagaan (52.5%), dan kerani bank (51%). Selain itu, 48.5 % responden memilih pekerjaan pengurus restoran, dan angkawasan (48%).

4 Apakah ciri-ciri personaliti pelajar dalam pemilihan kerjaya?

Secara keseluruhan didapati ciri-ciri personaliti pelajar dalam pemilihan kerjaya ialah personaliti sosial. Personaliti sosial menunjukkan min yang tertinggi iaitu 2.28. Hal ini diikuti oleh personaliti realistik dengan menunjukkan min 2.26, dan personaliti investigatif dengan min 2.25. Selain itu, diikuti oleh personaliti artistik dengan menunjukkan min 2.25, personaliti sosial dengan menunjukkan min 2.25 dan personaliti daya usaha dengan menunjukkan min 2.19.

Secara keseluruhannya didapati bahawa personaliti sosial dalam pemilihan kerjaya merupakan yang tertinggi dimiliki oleh pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ali Haji Ahmad dan Sekolah Menengah Sri Perhentian.

5 Adakah terdapat hubungan antara gaya belajar dengan pencapaian akademik?

Hubungan gaya belajar dengan pencapaian akademik pelajar dianalisis berdasarkan gaya pembelajaran reflektor, teoris, pragmatis dan aktivis. Pencapaian adalah dinilai berdasarkan pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Geografi, Pendidikan Islam, Kemahiran Hidup dan Bahasa Cina.

Hasil kajian menunjukkan hubungan yang lemah di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar terutama dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Pendidikan Islam, Kemahiran Hidup dan Bahasa Cina. Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran tersebut. Walaupun pelajar menggunakan gaya belajar yang tertentu iaitu gaya pembelajaran aktivis, pencapaian dalam mata pelajaran tertentu masih rendah.

6 Adakah terdapat hubungan personaliti pelajar dengan pencapaian akademik?

Hubungan personaliti pelajar dengan pencapaian akademik dianalisis berdasarkan enam jenis personaliti iaitu aktivis, teoris, daya usaha, konvensional, menyelidik dan sosial. Pencapaian akademik pelajar dinilai berdasarkan pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Geografi, Pendidikan Islam, Kemahiran Hidup dan bahasa Cina.

Hasil kajian menunjukkan hubungan yang sangat lemah di antara mata pelajaran Sains, Sejarah, Geografi, Pendidikan Islam, Kemahiran Hidup dan bahasa Cina dengan personaliti pelajar. Oleh itu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara personaliti dengan mata pelajaran tersebut.

Cadangan

Hasil daripada rumusan serta perbincangan, beberapa cadangan dikemukakan bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dan dapat membuka minda pelajar tentang pentingnya kesesuaian personaliti pelajar dengan pemilihan kerjaya. Cadangan yang telah dikenal pasti ialah:

- i. Para guru perlulah mempunyai kemahiran untuk mengeksploitasi kelebihan-kelebihan yang terdapat pada setiap gaya pembelajaran pelajar.

Sekiranya pelajar menggunakan gaya belajar aktivis, perlulah dilebihkan aktiviti berkumpulan yang berbeza-beza. Manakala gaya pembelajaran pragmatis memerlukan contoh-contoh yang praktikal. Gaya pembelajaran teoris pula memerlukan banyak penerangan konsep. Begitu pula gaya pembelajaran reflektor memerlukan sumber maklumat yang tepat dan terperinci.

- ii. Gaya pembelajaran reflektor merupakan gaya pembelajaran yang kurang diamalkan oleh pelajar. Walau bagaimanapun, gaya pembelajaran ini perlu didedahkan kepada pelajar kerana mempunyai kelebihan-kelebihan yang tertentu. Dalam sesi pembelajaran, guru boleh menggunakan kaedah analisis sesuatu permasalahan berdasarkan pengalaman daripada pelbagai sudut pandangan. Selain itu pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini lebih cenderung membuat keputusan secara berhati-hati berdasarkan analisis yang teliti.
- iii. Pelajar perlu diberikan pendedahan tentang perlunya gaya pembelajaran yang sesuai untuk mereka. Mereka perlu digalakkan mengenal dan memahami gaya pembelajaran sendiri, di samping gaya pembelajaran individu yang lain.
- iv. Ibu bapa juga perlu mengetahui gaya pembelajaran yang sesuai untuk anak-anak mereka supaya mereka dapat membantu meningkatkan prestasi pelajar.
- v. Personaliti pelajar perlu diketahui oleh para pendidik. Oleh yang demikian di sekolah pihak kaunselor boleh memainkan peranan untuk mendedahkan ciri-ciri personaliti kepada pelajar. Pelajar yang mempunyai personaliti menyelidik boleh digalakkan untuk melakukan aktiviti yang melibatkan penyelesaian masalah dan menganalisis. Manakala personaliti realistik pula menggalakkan seseorang pelajar itu mempunyai keupayaan atletik atau mekanikal. Pelajar yang mempunyai personaliti sosial perlu diberi peluang untuk sering berhadapan dengan orang lain. Pelajar-pelajar yang mempunyai personaliti konvensional berkebolehan untuk melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan data dan perkeranian.
- vii. Personaliti daya usaha dalam pemilihan perkerjaan kurang diamalkan oleh pelajar. Oleh yang demikian, guru-guru boleh menerapkan ciri-ciri ini dalam proses pembelajaran kerana ciri-ciri personaliti ini mempunyai kebaikan. Pelajar-pelajar boleh diberikan tugas yang mencabar, contohnya aktiviti luar bilik darjah. Pembelajaran di luar bilik darjah akan mengelakkan rasa bosan kerana pembelajaran selalu bertumpu di bilik darjah.
- viii. Pihak kaunselor juga perlu mengadakan aktiviti-aktiviti yang erat kaitannyadengan pemilihan kerjaya di kalangan pelajar. Oleh yang demikian bimbingan kerjaya perlu dilaksanakan supaya pendedahan pelajar terhadap alam pekerjaan terbuka luas.

Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Pada masa hadapan, beberapa kajian lanjutan boleh dicadangkan supaya pengambilan sampel diperbanyak. Pengambilan sampel daripada dua buah sekolah menengah adalah

tidak mencukupi kerana bilangan responden masih kecil apabila dibandingkan dengan empat jenis gaya pembelajaran dan enam jenis personaliti. Oleh itu dicadangkan agar kajian seumpama ini diperluas kepada bilangan sampel yang lebih besar.

Sampel kajian ini telah memfokuskan kepada pelajar, maka disarankan agar kajian diperluaskan dengan mengenal pasti gaya pembelajaran pendidik. Oleh yang demikian guru-guru telah mempunyai pengetahuan dan kemahiran tentang gaya pembelajaran yang ada. Selain itu kajian gaya pembelajaran juga boleh dilaksanakan dengan menggunakan teori-teori yang lain.

Kajian seumpama ini diharapkan dapat dijalankan dari semasa ke semasa mengikut keperluan supaya dapat mengetahui perubahan yang terdapat pada gaya pembelajaran dan personaliti pelajar.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Aziz Ismail (1990). "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar-pelajar Matrikulasi di Salah Sebuah Universiti Tempatan". Universiti Pertanian Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Abdul Walid bin Abdul Hamid (2003). "Hubungan Minat Kerjaya dan Dimensi Personaliti di Kalangan Pelajar-pelajar di Institut Kemahiran Mara (IKM)." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Projek Sarjana Muda.
- Amilia Ahmad (1997). "Satu Kajian Mengenai Stail Pembelajaran di Kalangan Pelajar-pelajar SPH, di Universiti Teknologi Malaysia, Kampus Skudai dan Kaitannya dengan Keputusan Peperiksaan Semester." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Amir Awang (1970). "An Investigation into the Job Preference Pattern of A Sample of The Form Four Malay Students of The Malay Medium Secondary School Mind All Factor that Influence Them." Universiti Malaya: Tesis Sarjana.
- Amir Awang (1975). "A Cross Cultural Validation Study of Vocational Preference and The Work Value Inventory." Universiti Alberta: Tesis Ph.D.
- Dasimah Jalun (1992). "Dimensi Minat Kerjaya Pelajar di Sekolah Menengah di Selangor: Satu Kajian Struktur Alat Pengukuran Minat Kerjaya Holland." Universiti Kebangsaan Malaysia: Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan.
- Dunn, R.S. & Dunn, K.J. (1978). "Teaching Students Through Their Individual Learning Style: A Practical Approach For Grades 3-6." Mass: Allyn & Bacon.
- Enstwistle, N (1981). "Styles of Learning and Teaching: An Integrated Outline of Educational Psychology For Students, Teachers and Lecturers." New York: John Wiley & Sons.
- Freud, S (1940). "An Outline of Psychoanalysis." New York: Norton.
- Ginter, et.al. (1989). "Perceptual Learning Styles: Their Link To Academic Performances Sex, Age, and Academic Standing. Perceptuan and Motor Skills, 68, 1091-1094.
- Holland, J.L. (1985). "Making Vocational Choices: A Theory of Choices & Work Environment." Prentice- Hall Inc.
- Honey dan Mumford (1992). "The Manual of Learning Styles Edisi ke-2."

- Maidenhead: Peter Honey.
- Mohd. Hashim Othman (1993). “Kekongruenan Personaliti Individu Persekitaran Kerja dan Hubungannya dengan Kepuasan Kerja Berdasarkan Teori Perkembangan Kerjaya Holland.” Universiti Sains Malaysia: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Ruziah Ahmad (2000). “Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan 6 Sains.” Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana Muda
- Ryan and Rust (1964). “The SVIB And College Achievement.” *Journal of Applied Psychology*.
- Sadler Smith, E. (1997). “Learning Style”: Frameworks and Instruments. *Educational Psychology* 17(1/2).
- Saim Osman (1998). “Persepsi Pelajar Terhadap Penjurusan Aliran dan Minat Kerjaya di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Daerah Segamat, Johor.” Universiti Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana,
- Shahabudin Hashim dan Rohizani Yaakub (2003). “Psikologi Pembelajaran dan Personaliti.” Kuala Lumpur. Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
- Sperry, L. (1972). “Learning Performance and Individual Difference.” Glenview: Scott-Foresman.
- Steinberger, E.D. (1993). “Improving Student Achievement.” Virginia: American Association of School Administrators.
- Stephenson, W (1957). *The Study of Behaviour*. Chicago: University of Chicago Press.
- Teuku Iskandar (1991). “Kamus Dewan.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yong Chee Ken (1998). “Ciri-ciri Personaliti dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar: Satu Kajian di Sekolah Menengah Bahau, Bahau, Negeri Sembilan.” Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Wan Zuraida Wan Hamid. (2002). “Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik.” Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Zainab Talib (1999). “Gaya Pembelajaran Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Merentasi Fakulti.” Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.